

**Hubungan Erat Dengan Media Jamin Kelangsungan Usaha Kerajaan -
Subramaniam
Bernama
24 Ogos, 2011**

KUALA LUMPUR, 24 Ogos (Bernama) -- Menteri Sumber Manusia Datuk Dr S. Subramaniam berharap agar hubungan erat antara pihak kerajaan dengan media akan sentiasa berada dalam keadaan baik dan kukuh bagi menjamin kelangsungan usaha kerajaan.

Dr Subramaniam berkata kementerian amat menghargai segala usaha yang dijalankan oleh pihak media bagi membantu kerajaan terutama dalam menyampaikan dasar dan pelbagai isu berkaitan kerajaan kepada orang ramai.

"Dengan adanya alternatif media yang pelbagai pada hari ini, adakalanya maklumat yang disampaikan mungkin betul, mungkin tidak dan mungkin mempunyai pandangan yang berbeza.

"Oleh itu kita sangat menghargai segala usaha dan sokongan yang diberikan pihak media kerana ia banyak membantu kerajaan untuk memberitahu perkara sebenar kepada masyarakat," katanya ketika pada majlis berbuka puasa bersama media di Angkasapuri di sini hari Rabu.

Turut hadir pada majlis itu ialah Ketua Pengarah Penyiaran Datuk Norhayati Ismail.

Dr Subramaniam turut mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri dan Selamat Hari Merdeka kepada seluruh rakyat Malaysia dan berharap agar sambutan perayaan itu boleh dikongsi oleh seluruh masyarakat tanpa mengira bangsa.

"Saya berharap saudara-saudari akan menggunakan perayaan ini untuk mengukuhkan hubungan antara keluarga dengan saudara mara dan rakan-rakan selaras dengan prinsip 1Malaysia di mana kita menggunakan peluang perayaan ini untuk merapatkan hubungan masyarakat pelbagai kaum," katanya.

Beliau juga mengingatkan masyarakat agar menghayati pengertian sebenar kemerdekaan dan bersama-sama mengekalkan suasana yang aman dan stabil dengan mewujudkan sikap toleransi yang tinggi antara satu sama lain.

-- BERNAMA

Copyright © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=610232>